

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan meningkatkan jumlah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Malaysia dan apakah rancangan Kementerian dalam menambah baik kualiti serta hala tuju PLPP yang sedia ada.

.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Bangi merupakan salah sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberikan perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal berumur 14 hingga 40 tahun melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Bilangan pelajar PLPP pada tahun 2020 adalah seramai 130 orang manakala kapasiti sebenar adalah untuk 300 orang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) komited dengan usaha berterusan bagi menyokong keperluan OKU di seluruh negara. Tinjauan umum akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memperolehi maklum balas berkaitan keperluan untuk meningkatkan jumlah PLPP di Malaysia.

Dalam usaha menambah baik kualiti serta hala tuju PLPP sedia ada, JKM menyelaras dan memantau pembangunan kurikulum latihan kemahiran teknikal dan vokasional berpandukan standard Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Jabatan berperanan dalam mengurus, menyelaras dan memantau PLPP sebagai Pusat Kecemerlangan OKU dengan inisiatif berterusan seperti berikut:

- i. Merangka dan membangun program-program pembangunan kerjaya di PLPP;
- ii. Mengurus dan menyelaras tindakan bagi mendapatkan SKM bagi kursus yang ditawarkan di PLPP;
- iii. Memantau program-program latihan dan pembangunan OKU di PLPP;
- iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program dan perkhidmatan *Job Coach* di PLPP; dan
- v. Mengatur dan menyelaras kerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk kerjasama strategik bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Institusi Latihan Kemahiran Awam untuk pembangunan kursus yang bersesuaian ke peringkat yang lebih tinggi.

SOALAN NO. : 20

Secara keseluruhannya, PLPP akan sentiasa memantau dan meningkatkan mutu perkhidmatan yang komprehensif kepada OKU fizikal untuk mendapatkan latihan vokasional serta mengembalikan kemahiran yang telah hilang akibat kemalangan bagi meningkatkan kemampuan mereka untuk berdaya saing dalam pasaran kerja dan produktif dalam arus pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai peraturan atau prosedur TASKA komuniti sebagai tempat jagaan kanak-kanak bagi memudahkan golongan ibu bapa yang bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

TASKA Komuniti yang didaftarkan di bawah Seksyen 5(c), Akta TASKA 1984 merujuk kepada “suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih kanak-kanak di suatu kawasan tertentu dan yang menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri”.

TASKA Komuniti ditubuhkan dan dikendalikan oleh pertubuhan atau persatuan atau suatu Jawatankuasa yang ditubuhkan di kawasan komuniti yang berpendapatan sederhana dan rendah dengan geran penubuhan yang disediakan oleh Kerajaan persekutuan pada tahun 2006. Tujuan TASKA ini ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan asuhan gantian kepada ibu bapa bekerja yang mempunyai anak di bawah empat (4) tahun.

Antara syarat yang wajib untuk kemasukan TASKA Komuniti adalah:

- i. kanak-kanak berumur di bawah empat (4) tahun; dan
- ii. **keutamaan** akan diberi kepada kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah, iaitu ibu bapa atau penjaga berpendapatan isi rumah RM5,000 sebulan dan ke bawah kerana mereka ini adalah layak untuk menerima subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180 sebulan.

Prosedur kemasukan TASKA Komuniti yang lain adalah tertakluk kepada polisi yang ditentukan oleh pihak pengusaha TASKA masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ADRIAN LASIMBANG

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Adrian Lasimbang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian untuk menghentikan perkahwinan bawah umur 18 tahun dan apakah rancangan Kementerian untuk melaksanakan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur khususnya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mengambil tindakan penambahbaikan dasar perundangan, pelaksanaan program, serta advokasi yang berterusan. Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020-2025. Punca-punca berlakunya perkahwinan bawah umur yang telah dikenal pasti adalah kemiskinan, kekurangan Pendidikan Kesihatan Seksual Reproduktif (SRH), keciciran pendidikan, stigma dan norma sosial, perundangan serta kurang penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur. Pelaksanaan pelan akan terus dipantau melalui Jawatankuasa Pemandu yang merupakan platform bagi agensi pelaksana yang terlibat untuk melaporkan status tindakan, isu dan cabaran terhadap setiap program yang dilaksanakan.

Memandangkan negeri Sabah adalah terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berbeza, maka Kerajaan bersama UNICEF dan Kementerian Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri telah mengadakan bengkel Menangani Perkahwinan Bawah Umur pada 1 Julai 2019 yang lepas. Bengkel tersebut turut dihadiri oleh wakil Kementerian ini, Pesuruhjaya Kanak-Kanak, wakil-wakil Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sabah, Badan Perundangan negeri, serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Ini bagi memastikan pandangan semua pihak diambil kira dalam memastikan isu perkahwinan bawah umur ditangani sehingga di peringkat akar umbi. Antara hasil daripada bengkel tersebut adalah satu Pelan Tindakan Negeri berkaitan perkahwinan bawah umur dirangka dan seterusnya akan diselaraskan dengan Pelan yang dikendalikan oleh Kementerian ini. Selain itu, Jawatankuasa Pemandu Kajian Undang-Undang Hal Ehwal Anak Negeri dan Penyusunan Struktur Mahkamah Anak Negeri telah ditubuhkan bertujuan untuk mengkaji undang-undang melibatkan hal ehwal anak negeri yang sedia ada agar pindaan dapat dibuat selaras dengan kesesuaian peredaran masa dan keperluan komuniti anak negeri di Sabah.

Kerajaan juga sedar bahawa sesi libat urus bersama media-media tempatan adalah penting dalam memastikan advokasi berterusan dapat dilaksanakan. Oleh itu, Kerajaan amat berharap bahawa dengan adanya kerjasama yang menyeluruh daripada pelbagai pihak termasuklah Kementerian/ Jabatan/ Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri, NGOs, pengamal media dan swasta, maka isu perkahwinan bawah umur dapat ditangani dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik keganasan rumah tangga dari tahun 2015 hingga 2020 mengikut negeri dan bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes yang telah dilaporkan ke JKM dari tahun 2015 hingga 31 Oktober 2020 adalah sebanyak **4,464**.

Pecahan kes mengikut tiga negeri tertinggi adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	L	P	
Selangor	121	909	1,030
Pulau Pinang	51	563	614
Kedah	23	411	434

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Pecahan kes mengikut tiga negeri terendah ialah:

Negeri	Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	L	P	
W.P. Putrajaya	3	21	24
Perlis	1	16	17
W.P. Labuan	0	6	6

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Pecahan kes mengikut etnik dari tahun 2015 hingga 31 Oktober 2020 adalah seperti berikut:

Kumpulan Etnik	Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	L	P	
Melayu	184	2,495	2,679
India	66	755	821
Cina	47	429	476
Peribumi Sabah	0	337	337
Peribumi Sarawak	1	33	34
Peribumi Semenanjung	2	13	15
Lain-lain	2	27	29
Bukan Warganegara	6	67	73
Jumlah	308	4,156	4,464
Jumlah Keseluruhan	4,464		4,464

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Manakala berdasarkan kes yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), dari tahun 2015 hingga 31 Oktober 2020 adalah sebanyak **31,490**.

Pecahan kes mengikut tiga negeri tertinggi adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Selangor	5,187
Johor	3,726
Kelantan	3,174

Sumber : PDRM

Pecahan kes mengikut tiga negeri terendah ialah:

Negeri	Jumlah
Pahang	1,380
Melaka	711
Perlis	624

Sumber : PDRM

SOALAN NO. : 51

Pecahan kes mengikut etnik dari tahun 2015 hingga 31 Oktober 2020 adalah seperti berikut:

Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah Keseluruhan
Melayu	3,024	3,518	3,398	3,312	3,210	2,484	18,946
India	973	1,151	949	946	1,094	781	5,894
Cina	463	489	467	427	444	349	2,639
Lain-lain	554	638	699	736	781	603	4,011
Jumlah	5,014	5,796	5,513	5,421	5,529	4,217	31,490

Sumber : PDRM

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan golongan rentan dalam keadaan COVID-19 yang sedang menular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan yang mendalam dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat kita. Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam tempoh pemulihan ekonomi ini bagi meningkatkan ekonomi dan sosial serta kebajikan rakyat. Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

Pertama, di bawah sokongan ekonomi seperti:

- (i) **Inisiatif PENJANA** – Program Subsidi TASKA dan Program Bantuan Tunai secara *one-off* untuk Kumpulan Rentan khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah sehingga 30 November 2020 adalah seperti berikut:
 - a. **Program Subsidi TASKA:** Sebanyak 2,623 buah TASKA dengan nilai RM22.9 juta diluluskan.
 - b. **Program Bantuan Tunai Ibu Tunggal (RM300 seorang secara *one-off*):** Sebanyak 161,909 telah diluluskan dengan nilai kelulusan RM48.5 juta;
 - c. **Program Bantuan Tunai Orang Kurang Upaya (OKU):** Sebanyak 188,000 OKU yang berdaftar dan menerima bantuan JKM telah menerima RM300 seorang secara *one-off* dengan keseluruhan peruntukan RM56.4 juta; dan
 - d. **Bayaran Insentif Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP):** Sebanyak 32 agensi latihan yang diiktiraf untuk menjalankan kursus dan seramai 8,103 orang peserta yang berjaya menamatkan KAP dengan jumlah peruntukan RM6.0 juta.
- (ii) Agihan **Bantuan Bakul Makanan di bawah Tabung NADMA COVID-19** berjumlah RM25.2 juta. Sebanyak 306,895 bakul makanan (sehingga 23 November 2020) telah diagihkan;

- (iii) **Mempercepatkan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan** oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 penerima bantuan sehingga Oktober 2020; dan
- (iv) Membenarkan **pengoperasian TASKA** di zon yang dibenarkan sepanjang tempoh PKP.

Kedua, di bawah sokongan sosial seperti:

- (i) **Talian Khas Kaunseling COVID-19** yang telah diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP dengan penglibatan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara. Terdapat juga kaunselor-kaunselor yang ditempatkan di kawasan PKPD. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 30 November 2020, talian ini telah menerima sebanyak 3,090 panggilan;
- (ii) **Khidmat Aduan Atas Talian melalui Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih Whatsapp 019-26 15999** yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 30 November 2020, sebanyak 153,893 panggilan telah diterima. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 682 kes mengenai keganasan rumah tangga telah dipanjangkan kepada JKM untuk siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 429 kes telah diselesaikan; dan

- (iii) **Program untuk Memperkasa Wanita.** Sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 844 program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 366,687 peserta. Program berkenaan telah dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian selaras dengan norma baharu. Antara program yang bersesuaian dalam membantu golongan rentan semasa pandemik COVID-19 seperti berikut:
- a. Program De'Stress secara dalam talian dan juga fizikal bagi membantu para ibu/wanita mengenai kaedah dari segi psikologi dalam menangani tekanan menguruskan tugas seharian. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 62 siri program ini telah dilaksanakan oleh pejabat pembangunan wanita di negeri-negeri melibatkan 50,244 peserta; dan
 - b. Perkhidmatan kaunseling dalam talian. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 207 kes diterima oleh Jabatan Pembangunan Wanita.
- (iv) **Sokongan Sosial** dalam bentuk pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home help services*) yang bercorak *reaching out* kepada **warga emas** sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19 juga telah diadakan.

Ketiga, di bawah advokasi atau pesanan khidmat masyarakat seperti:

- (i) **Pelaksanaan program berbentuk advokasi** seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik dan media cetak dalam menangani isu tekanan mental. Terdapat juga **Pesanan Khidmat Masyarakat** dalam tempoh PKP melalui pelbagai medium seperti poster, infografik, kenyataan media dan slot media. Antara pesanan khidmat masyarakat yang telah dilaksanakan oleh KPWKM adalah Program Kesedaran dan Pencegahan Wabak, Promosi Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca bagi Taska, #wanitacegahCOVID19 khusus

SOALAN NO.: 96

untuk wanita di rumah, #kpwkmprihatin bagi isu-isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga dan penderaan terhadap kanak-kanak dan #berkatberjasa yang khusus untuk memperingati jasa petugas di barisan hadapan terutamanya petugas JKM.

Akhir kata, sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, KPWKM sentiasa proaktif dan prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya apabila melibatkan kumpulan sasar KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai wanita yang merupakan separuh daripada jumlah penduduk Malaysia, manakala kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh masih rendah iaitu sekitar 47% sahaja. Apakah inisiatif Kerajaan dalam meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam industri ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja memerlukan tindakan yang bersepadu oleh semua pihak sama ada di sektor awam mahupun swasta. Ia melibatkan aspek penjana pendapatan dan ekonomi yang merentas pelbagai bidang seperti di sektor perusahaan, pelancongan, pertanian, perladangan dan perdagangan yang mana setiap daripadanya berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi Kerajaan yang berbeza.

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah sebanyak 55.2 peratus pada tahun 2018 dan meningkat 0.9 peratus kepada 55.6 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sasaran pencapaian bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 56.5 peratus yang pada asalnya dilihat realistik, sekarang ini mungkin sukar dicapai kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah menguncupkan perkembangan ekonomi sehingga banyak sektor terjejas dan ramai pekerja terpaksa diberhentikan, termasuklah golongan wanita.

Menyedari akan hakikat ini dan berdasarkan bidang kuasa di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), beberapa inisiatif diperkenalkan termasuklah memberikan peluang kepada wanita untuk menceburi bidang pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak. Ini dilaksanakan melalui penganjuran Kursus Pembangunan Kapasiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA, khusus untuk golongan wanita B40 dan ibu tunggal,

Selain itu, KPWKM juga memberikan penekanan kepada penglibatan wanita dalam ekonomi digital sebagai arena baharu yang membuka peluang penjana pendapatan. Dalam hal ini, KPWKM bekerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC serta badan bukan Kerajaan untuk menyediakan program-program pembangunan kapasiti. Ini termasuk mendedahkan

SOALAN NO. 105

mereka kepada literasi digital, pengurusan kewangan dan kemahiran keusahawanan.

Selain inisiatif di atas, KPWKM juga memberikan perhatian kepada transformasi bersifat sistemik bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong dan membolehkan wanita untuk lebih terlibat dalam tenaga kerja dengan produktif, tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Antaranya adalah KPWKM menyokong penuh sebarang bentuk polisi yang mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan keluarga (*work-life balance*) seperti pelaksanaan waktu kerja anjal (*flexible working arrangements*) yang bukan sahaja disambut baik oleh sektor awam tetapi juga sektor swasta.

Sebagai tambahan, penyediaan lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA di tempat kerja juga menjadi keutamaan di bawah KPWKM memandangkan industri penjagaan ini memberikan manfaat berbentuk serampang dua mata iaitu pertamanya, membantu ibu bapa bekerja menguruskan anak dengan lebih baik serta menyokong wanita untuk terus bekerja; dan keduanya, membuka lebih banyak peluang pekerjaan sebagai pengusaha pusat jagaan atau pengasuh. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan kepada KPWKM geran bagi penubuhan TASKA iaitu RM10 juta pada tahun 2019, RM30 juta pada tahun 2020 dan seterusnya RM30 juta lagi bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih.